



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

## SOALAN LAZIM

# Fly2Campus



### SIAPAKAH BOLEH MENGGUNA SISTEM INI?

Sistem ini hanya dibuka kepada **pelajar IPT (berstatus warganegara)** di bawah KPT yang **telah menerima** pemakluman masuk ke kampus bagi sesi akademik 2021/2022 secara fizikal mulai 15 Oktober 2021 dan ingin menggunakan perkhidmatan penerbangan.

### BILAKAH SISTEM INI BOLEH MULA DIGUNAKAN?

Sistem ini akan dibuka mulai **1 Oktober 2021 (bermula jam 12.00 tengah hari) sehingga 6 Oktober 2021 (tamat jam 12.00 tengah hari)** bagi mengumpul maklumat pelajar yang berminat menggunakan kemudahan yang disediakan melalui inisiatif kerjasama di antara pihak KPT dan penyedia perkhidmatan penerbangan.




### MENGAPAKAH LAPANGAN TERBANG BERHAMPIRAN SAYA TIADA DALAM SENARAI?

Pada masa ini, penerbangan bagi **laluhan utama Semenanjung-Sabah-Sarawak-Labuan** diberi keutamaan. Berikut merupakan senarai lapangan terbang yang terlibat:

- Johor: **Senai** Airport
- Kelantan: Sultan Ismail Petra Airport (**Kota Bharu**)
- Kuala Lumpur & Selangor: **KLIA/KLIA2**
- Labuan: **Labuan** Airport
- Pulau Pinang: **Penang** International Airport
- Sabah: **Kota Kinabalu** International Airport
- Sabah: **Sandakan** Airport
- Sabah: **Tawau** Airport
- Sarawak: **Kuching** International Airport
- Sarawak: **Bintulu** Airport
- Sarawak: **Miri** Airport
- Sarawak: **Sibu** Airport

### ADAKAH PELAJAR MEMBELI TIKET MELALUI SISTEM INI?

**Tidak.** Pelajar yang memerlukan/berminat menggunakan kemudahan penerbangan untuk pergerakan ke kampus hanya membekalkan maklumat seperti tarikh penerbangan, balai berlepas dan balai ketibaan bagi tujuan penyelarasan. Pihak penyedia perkhidmatan penerbangan akan menghubungi pelajar bagi tujuan pembelian tiket penerbangan.





KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

## SOALAN LAZIM

# Fly2Campus



### PROSES PENDAFTARAN



**BAGAIMANAKAH SAYA BOLEH MENCAPAI APLIKASI FLY2CAMPUS INI?**

Melalui pautan: <https://iptpelajar.mohe.gov.my>




**BAGAIMANAKAH SAYA BOLEH MENDAFTAR BAGI MENGGUNAKAN APLIKASI FLY2CAMPUS?**

Pelajar perlu menggunakan **nombor kad pengenalan** bagi menyemak dan mendaftarkan diri bagi menggunakan sistem ini. Semasa pendaftaran, pelajar perlu **memberikan alamat e-mel yang aktif dan sah** supaya dapat **menerima kata laluan** yang akan dihantar melalui e-mel.

**SAYA TELAH MENDAFTAR BAGI MENGGUNAKAN APLIKASI INI, TETAPI TIDAK MENERIMA SEBARANG E-MEL DAN KATA LALUAN. APAKAH TINDAKAN SETERUSNYA?**

Pelajar perlu **semak Folder Spam** di dalam e-mel terlebih dahulu. Jika masih tidak menerima sebarang e-mel, pelajar dimohon menghubungi **Bilik Gerakan KPT di talian 03-8870 6777/ 6628/ 6949/ 6623** atau menghantar e-mel bersama butiran berikut kepada [fly2campus@mohe.gov.my](mailto:fly2campus@mohe.gov.my):

- Nombor Kad Pengenalan
- Nama penuh
- Nombor Telefon
- Alamat e-mel yang sah



*Terima Kasih!*

